

Dekati penduduk kampung

BATU PAHAT: Perkongsian ilmu menerusi hubungan dua hala antara pelajar dan penduduk kampung di-realisasikan menerusi program 'Kondangan Kampung' yang dilaksanakan di Kampung Seri Semangat, Kangkar Bahru di sini, semalam.

Kondangan yang membawa maksud jemputan dalam dialek Jawa antara bukti kesungguhan mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam usaha mendekatkan diri dengan masyarakat di pedalaman.

Pengarah program, Mohamad Hafis Abd Ghani, berkata program berunsurkan khidmat masyarakat itu adalah anjuran Majlis Pengetua Kolej Kediaman UTHM dengan kerjasama penduduk tempatan.

"Menerusi program ini, hubungan lebih erat dapat dijalin antara warga mahasiswa dan penduduk setempat sekali gus memberi pendedahan kepada warga UTHM dengan aktiviti kemasyarakatan," katanya.

Mohd Hafis berkata, menerusi program ini juga mahasiswa dapat mengenali corak dan gaya hidup pendu-



KENANGAN...peserta bergambar selepas program 'Kondangan Kampung' di Kampung Seri Semangat.

duk di kawasan luar bandar serta pengalaman baru kepada mereka.

Antara pengisian program yang dianjurkan selama tiga hari bermula kelmarin itu termasuklah pembahagian anak dan keluarga angkat

serta pemeriksaan kesihatan secara percuma yang disediakan Pusat Kesihatan Universiti (PKU).

Malah penduduk kampung berpeluang menyertai pelbagai aktiviti menarik seperti acara sukan rak-

yat, jamuan kenduri, Forum Perdana yang disampaikan Profesor Madya Dr Hussain Othman dan Ustazah Shakila Ahmad serta dipengerusikan Profesor Madya Dr Wan Salim Wan Mohd.